

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

Mac/April, 1992

AKP400 - PENGURUSAN PELABURAN

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA PULUH SATU** soalan. Pilih **SATU** soalan daripada **BAHAGIAN A**. Soalan-soalan daripada **BAHAGIAN B** adalah **WAJIB**. Jawapan soalan objektif di **BAHAGIAN B** hendaklah dituliskan di dalam buku jawapan yang disediakan. Adalah diingatkan bahawa markah akan **DITOLAK** sekiranya diberi jawapan yang salah untuk soalan objektif di **BAHAGIAN B**.

**BAHAGIAN A**

Jawab **SATU** soalan sahaja.

**Soalan 1**

Katakanlah anda seorang juru analisis pelaburan di dalam sebuah syarikat pengurusan tabung wang yang terkenal di Malaysia. Anda ditugas untuk mengurus wang pelanggan melalui penglibatan di dalam kegiatan pelaburan yang dapat memberi pulangan yang baik. Kejayaan seorang juru analisis pelaburan sangat bergantung kepada pengetahuannya mengenai prinsip dan proses pelaburan serta kaedah pendekatan analisa pelaburan yang unggul. Kepakaran seperti ini sudah tentulah dapat membantu anda di dalam membuat keputusan yang baik tentang masa dan jenis sekuriti yang hendak dilabur. Andainya sebanyak 5 juta unit saham biasa syarikat Rothman dengan harga \$55 juta (nilai tara seunit ialah \$0.50) telah

...2/-

AKP400

ditawar kepada syarikat anda baru-baru ini. Anda telah diminta untuk membuat keputusan sama ada boleh atau tidak membeli saham itu dengan harga yang disebut. Di dalam membuat perakuan bagi satu-satu alternatif, anda diberi maklumat-maklumat berikut:

- (a) Laporan Lembaga Pengarah 31 March 1991.
- (b) Laporan Kewangan Rothman bagi Lima Tahun, 1987-1991.
- (c) Harga Saham, Dividen dan Pendapatan Sesaham Syarikat Rothman 1961-1991.
- (d) Indeks Komposit BSKL 1980-1991. Sila rujuk Lampiran 1, 2, 3 dan 4 untuk mendapat maklumat lanjut.

Apakah perakuan anda? Berikan sebab-sebab dan andaian-andaian bagi satu alternatif yang dipilih.

[50 markah]

**SOALAN 2**

Berdasarkan kepada Lampiran 4 - Indeks Komposit BSKL 1980-1991, Lampiran 5 - Penunjuk-Penunjuk Ekonomi Utama 1988-1992, Lampiran 6 - Matriks Pulangan BSKL 1985-1991, seperti terdapat di dalam lampiran, cuba anda analisa perangai pasaran saham Kuala Lumpur dan perhubungannya dengan aktiviti ekonomi Malaysia. Anda juga diminta membincang tentang prinsip-prinsip pelaburan yang harus diikuti.

[50 markah]

...3/-

**BAHAGIAN B (WAJIB)**

Tuliskan a, b, c atau d yang anda pilih bagi soalan 1-20 dan perkataan BETUL atau SALAH bagi soalan 21-30 di dalam buku jawapan yang disediakan.

**Soalan 3**

1. Hak yang manakah dapat memelihara penurunan pegangan dalam sebuah syarikat:
  - (a) Hak mengundi
  - (b) Hak pembubaran
  - (c) Hak dividen
  - (d) Hak terbitan
  
2. Ramai orang berpendapat bahawa saham biasa dapat memberi perlindungan (hedge) kepada salah satu risiko berikut:
  - (a) Risiko kadar faedah
  - (b) Risiko perniagaan
  - (c) Risiko kuasa beli
  - (d) Risiko pasaran
  
3. Secara relatif, sekuriti yang manakah menerima kesan paling kuat apabila berlaku perubahan kadar faedah:
  - (a) Bil Perbendaharaan
  - (b) Saham biasa
  - (c) Saham terpilih
  - (d) Bon jangka masa panjang

...4/-

AKP400

4. Saham yang berupaya memberi kadar pulangan dividen yang baik dikenal sebagai:
- (a) Saham spekulasi (speculative stock)
  - (b) Saham berdaya tumbuh (growth stock)
  - (c) Saham istimewa (blue chip stock)
  - (d) Saham pendapatan (income stock)
5. Harga pasaran masakini bagi saham Resorts World Bhd ialah \$11.50 seunit. Sekiranya anda membuat pesanan kepada broker saham hendak membeli saham tersebut apabila harganya jatuh kepada \$11.47, maka bentuk pesanan itu dipanggil sebagai:
- (a) Pesanan had (limit order)
  - (b) Pesanan pasar (market order)
  - (c) Pesanan berhenti-rugi (stop-loss order)
  - (d) Pesanan masa (time order)
6. Katakan anda membeli 5 lot saham Syarikat Tan Chong pada harga \$3.00 dengan cara kemudahan kredit, 60% margin, daripada sebuah syarikat broker. Berapakah peratus keuntungan yang anda perolehi sekiranya harga saham tersebut naik kepada \$3.40:
- (a) 21.2
  - (b) 22.2
  - (c) 20.2
  - (d) Bukan (a), (b) atau (c)
7. Hipotesis Pasaran Cepak (Efficient Market Hypothesis) yang mempunyai bentuk seperti manakah yang mengatakan bahawa pergerakan harga saham di dalam pasaran sekarang adalah bebas daripada perubahan harga pasaran saham sebelumnya:
- (a) Bentuk Kukuh
  - (b) Bentuk Separuh Kukuh

...5/-

AKP400

- (c) Bentuk Perjalanan Rawak
  - (d) Bentuk Lemah
8. Untuk membuat keputusan pelaburan saham, Teori Analisis Teknikal berdasarkan kepada:
- (a) Analisis nisbah kewangan
  - (b) Kajian pergerakan harga dan jumlah saham yang diniagakan
  - (c) Teori Perjalanan Rawak
  - (d) Hipotesis Pasaran Cepak
9. Satu tarikh yang perlu diambil kira oleh pemegang saham berdaftar supaya mereka dapat menikmati dividen ialah:
- (a) Tarikh belian
  - (b) Tarikh pengisytiharan
  - (c) Tarikh 'ex-dividend'
  - (d) Tarikh rekod
10. Syarikat Berdaya Maju membayar \$0.30 dividen sesaham kepada pemegang saham biasa pada akhir tahun lepas. Syarikat ini bercadang hendak terus membuat bayaran dividen dalam bentuk wang tunai pada tahun-tahun akan datang pada kadar pertumbuhan sebanyak 10%. Dengan mengandaikan pelabur (1) menghendaki 12% kadar pulangan dan (2) mengguna formula,  $D(1+g)/(r-g)$ , maka nilai saham tersebut ialah:
- (a) \$1.65
  - (b) \$16.50
  - (c) \$15.60
  - (d) Bukan (a), (b) atau (c)

...6/-

AKP400

11. Sekiranya harga pasaran satu bon menurun, maka:
- (a) Kadar faedah bon (coupon rate) meningkat
  - (b) Pulangan hingga tarikh matang bertambah
  - (c) Pulangan hingga tarikh matang berkurangan
  - (d) (a) dan (b)
12. Oleh kerana seorang pelabur yang bijak boleh mengurangkan risiko pelaburan dengan mencipta portfolio yang terdiri daripada berbagai jenis sekuriti maka ukuran risiko yang harus dipertimbangkan ialah:
- (a) Pekali korelasi (correlation coefficient)
  - (b) Varian atau sisihan piawai harga sekuriti
  - (c) Beta
  - (d) Kovarian portfolio
13. Apabila keadaan pasaran saham 'bearish', portfolio yang murah untuk dimiliki ialah portfolio yang mempunyai beta:
- (a) 0
  - (b) +0.5
  - (c) +1.5
  - (d) -2.0
14. Apabila keadaan pasaran saham 'bullish', saham yang memberi untung yang baik ialah saham yang mempunyai beta:
- (a) +1.5
  - (b) +1.0
  - (c) -1.0
  - (d) -0.5

...7/-

15. Kenyataan yang manakah dapat memberi keterangan yang lebih tepat tentang keuntungan jualan pendek:
- (a) Keuntungan jualan pendek adalah dihadkan kepada \$10 sesaham
  - (b) Pihak yang membuat jualan pendek memperolehi untung sebanyak \$1 bagi setiap \$1 harga saham yang jatuh
  - (c) Pihak yang membuat jualan pendek boleh ketepikan dividen tunai yang dibayar
  - (d) Jualan pendek ialah satu bentuk urusanniaga sekuriti yang dielak oleh pihak konservatif dan takut kepada risiko
16. Teori Harga 'Arbitrage' (APT) boleh diberi definasi seperti berikut:
- (a) APT cuba menerangkan faktor yang menentu kadar pulangan harta
  - (b) Tumpuan APT ialah ke atas risiko sistematik dan dengan itu risiko tidak sistematik tidak memainkan peranan di dalam menentukan harga sesuatu harta
  - (c) APT dapat menggambarkan perhubungan risiko dan pulangan secara logik
  - (d) Kesemua kenyataan di atas adalah benar
17. Mengikut prinsip keputusan jual-beli (buy-sell decision rules), kenyataan yang manakah difikir betul, bijak dan rasional:
- (a) Kalau harga > nilai, beli
  - (b) Kalau harga < nilai, jangan diurusniaga
  - (c) Kalau harga = nilai, beli
  - (d) Kalau harga < nilai, beli

18. Indeks prestasi portfolio Treynor ditunjuk dengan huruf T, di mana  $r$  merupakan kadar pulangan purata portfolio,  $R$  menggambarkan kadar faedah harta yang tidak mempunyai risiko,  $\sigma$  ialah sisihan piawai pulangan portfolio. Formula yang manakah dapat memberi definisi indeks tersebut dengan betul:

- (a)  $T = r - R/\sigma$
- (b)  $T = r/\sigma$
- (c)  $T = r/\sigma - R$
- (d)  $T = r - R/\text{beta}$

19. Pulangan dan risiko (sisihan piawai) bagi portfolio A, B, C dan D adalah seperti berikut:

<u>Portfolio</u>	<u>Kadar pulangan (%)</u>	<u>Sisihan piawai (%)</u>
A	8	8
B	15	20
C	10	8
D	50	100

Portfolio yang manakah harus dielak oleh pelabur yang rasional:

- (a) A
- (b) B
- (c) C
- (d) D

20. Anggaran yang manakah dianggap mustahak dan merupakan langkah pertama untuk menganalisis sebuah syarikat:

- (a) Jualan
- (b) Pulangan sesaham
- (c) Nisbah harga-pulangan
- (d) Kadar pertumbuhan dividen



AKP400

21. Saham terutama (noncallable) yang mempunyai \$100 nilai tara dan 6% kadar faedah dijual dengan harga \$40. Oleh itu sekiranya seorang pelabur membeli saham tersebut maka kadar pulangan yang diharap daripada saham tersebut ialah 15%.
- (a) BETUL
- (b) SALAH
22. Syarikat Laginda International mengeluarkan bon yang mempunyai nilai muka sebanyak \$1,000 dan kadar pertukaran kepada saham biasa ialah 25 unit saham untuk setiap unit bon. Sekiranya harga seunit saham biasa syarikat itu disebut dalam pasaran sebanyak \$45 maka harga atau nilai bon ini seharusnya meningkat kepada \$1,125 atau lebih.
- (a) BETUL
- (b) SALAH
23. Andaikan bahawa pertumbuhan sebenar ekonomi dianggar 2 peratus dan Keluaran Negara Kasar (GNP) di dalam nilai ringgit semasa sebanyak 8 peratus. Oleh kerana pertumbuhan ekonomi sebenar agak rendah maka pelabur hendaklah bersikap berhati-hati dan haruslah memberi tumpuan lebih di dalam pelaburan sekuriti yang memberi pulangan tetap daripada saham biasa.
- (a) BETUL
- (b) SALAH
24. Perhubungan di antara teori nilai,  $V = D(1+g)/(1+k)$  dengan pembolehubah diguna di dalam analisis prestasi syarikat seperti kedudukan persaingan, kualiti pengurusan, pertumbuhan perolehan, keupayaan pendapatan dan sebagainya adalah tidak wujud.
- (a) BETUL
- (b) SALAH

...10/-

AKP400

25. Kalau dibandingkan dengan syarikat yang hanya menikmati perolehan (earnings) yang stabil maka firma yang mencapai kadar pertumbuhan perolehan yang tinggi seharusnya mempunyai nisbah harga-perolehan (P/E ratio) yang lebih tinggi sekiranya lain-lain perkara tidak berubah.
- (a) BETUL
- (b) SALAH
26. Mengikut teori Dow sekiranya tren utama (primary trend) menaik tetapi paras terendah bagi jurang-jurang sekunder (secondary troughs) semakin menurun maka keadaan pasaran dianggap 'bearish'.
- (a) BETUL
- (b) SALAH
27. Di dalam keadaan pasaran 'bullish' sekiranya terdapat satu portfolio saham tidak dapat memberi pulangan yang lebih tinggi daripada pulangan pasaran maka pengurus portfolio tersebut hendaklah membeli saham yang memiliki beta yang tinggi dan menjual saham yang mempunyai beta yang rendah.
- (a) BETUL
- (b) SALAH
28. Andaikan kadar pulangan bagi harta bebas daripada risiko ialah 8%, sementara kadar pulangan pasaran dianggap sebanyak 13%. Sekiranya beta saham X dan Y masing-masing bernilai 1.5 dan 2.0, maka kadar pulangan yang dikehendaki untuk saham X dan Y ialah 15% dan 18%.
- (a) BETUL
- (b) SALAH
29. Saham dividen dan saham pecahan (stock splits) tidak mengganggu dan mempengaruhi indeks pasaran sekiranya satu sistem wajaran yang baik dicipta untuk indeks pasaran yang berkenaan.
- (a) BETUL
- (b) SALAH

...11/-

AKP400

30. Teori kos agensi menyarankan bahawa terdapat pihak pengurusan korporat mencabul kepentingan pemegang saham (tuan punya syarikat) dengan cara yang bijak dan sukar hendak dibenteras.

(a) BETUL

(b) SALAH

[50 markah]

...12/-

AKP400

LAMPIRAN 1

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH ROTHMAN - 31 March 1991

Aktiviti:

Kegiatan utama syarikat ini ialah mengeluarkan, mengimport, mengedar dan menjual rokok dan bahan tembakau yang berkeajaan. Rothman juga mempunyai kepentingan sebanyak 35 peratus di dalam Syarikat Tien Wah Press (Malaya) Sendirian Berhad yang terlibat di dalam perusahaan percetakan dan industri kotak.

Keputusan:

	M\$'000
Untung selepas cukai	186,010
Perolehan tertahan dan dibawa ke depan	260,756
Jumlah untung	446,766
Bayaran dividen (interim) 17.5 sen (selepas cukai) ke atas 285,530,000 saham biasa	32,479
Bayaran dividen (akhir) 25 sen (selepas cukai) ke atas 285,530,000 saham biasa	46,399
Jumlah	78,878
Perolehan tertahan dibawa ke depan	367,888

...13/-

AKP400

Lampiran 2

**LAPORAN KEWANGAN ROTHMAN BAGI LIMA TAHUN (1987-1991)**

	1991 \$'000	1990 \$'000 (9 bulan)	1989 \$'000	1988 \$'000	1987 \$'000
Pusingan	1019659	666199	765330	706546	628716
Untung sebelum cukai	303607	177293	156085	128799	102917
Untung diagih kpd saham biasa	186010	105988	98362	70636	48239
Untung luar jangka	-	38878	-	-	-
Dividen	78878	51038	41758	29981	21415
Keuntungan tertahan	107132	54950	56604	40655	26824
Dividen istimewa	-	4640	-	-	37179
Modal terbitan	142765	142765	142765	142765	142765
Tabung modal pemegang saham	510653	403521	313203	256599	214288
Harta tetap	91152	86822	92181	97353	89909
Pelaburan	10174	7482	11513	10764	10127
Tanda Perniagaan (trade marks)	2072	2072	2072	2072	2072
Harta semasa	733878	596383	423519	358898	288413
Jumlah harta	837276	692759	529285	469087	390521
Tanggungan jangka masa panjang	33115	16394	10653	10196	9373
Tanggungan semasa	293508	272844	205429	202292	166860
Jumlah Tanggungan	326623	289238	216082	212488	176233
Perolehan sesaham bersih (sen)	65	37	34	25	17
Liputan dividen (dividends cover X)	2.40	2.1	2.4	2.4	2.3
Dividen sesaham kasar (sen)	42.25	27.5	22.5	17.5	12.5
Pulangan ke atas tabung pemegang saham (%)	59.50	43.9	49.8	50.2	48.0
Nilai harta bersih sesaham (NTA) (M\$)	1.78	1.41	1.09	0.89	0.74
Nisbah harta semasa (:1)	2.50	2.2	2.1	1.8	1.7
Jumlah pekerja	1674	1515	1493	1599	1443


...14/-

LAMPIRAN 3

HARGA SAHAM, DIVIDEN DAN PENDAPATAN SESAHAM SYARIKAT ROTHMAN  
1960 - 1991


CARTA 4(a)

HARGA TERSELARAS : TERTINGGI-TERENDAH-AKHIR TAHUN



CARTA 4(b)

DIVIDEN & PENDAPATAN TERSELARAS SESAHAM




□ Dividen Terselaras Seseham

+ Pendapatan Terselaras Seseham

LAMPIRAN 4

INDEK KOMPOSIT BSKL 1980 - 1990




1980 1981 1982 1983 1984 1985 1986 1987 1988 1989 1990 1991 (29 Nov)

TAHUN

LAMPIRAN 5

PENUNJUK-PENUNJUK EKONOMI UTAMA 1988 - 1992

Carta 1.1  
Petunjuk - Petunjuk Ekonomi Utama



1/ Pada akhir Mac, Jun, September dan Disember, termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repos)  
2/ Malaysia (1980 - tahun asas)



AKP400

LAMPIRAN 6

**Matriks Pulangan BSKL 1985 - 1991  
Purata % Setahun**

	<u>1985</u>	<u>1986</u>	<u>1987</u>	<u>1988</u>	<u>1989</u>	<u>1990</u>	<u>1991</u>
1984	-24.8	-21.7	-1.0	-2.9	5.1	7.2	6.3
1985		-18.5	13.5	5.6	14.3	15.1	12.7
1986			58.2	20.2	27.9	25.5	20.2
1987				-8.6	15.1	16.2	12.2
1988					44.9	31.0	20.2
1989						18.4	9.4
1990							1.1

---ooo000ooo---